

MediaTitle	Kosmo		
Date	13 Aug 2016	Language	Malay
Circulation	197,202	Readership	875,000
Section	Negara	Color	Full Color
Page No	11	ArticleSize	462 cm ²
AdValue	RM 11,990	PR Value	RM 35,970



Membentuk pemikiran sihat dalam masyarakat

MUTAKHIR ini, kita digemparkan dengan insiden-insiden keganasan yang melibatkan ratusan kematian dan kecederaan orang awam. Mangsa-mangsa adalah terdiri daripada kanak-kanak, orang tua dan wanita malah terhadap warga muslim sendiri dan ia berlaku hampir setiap hari. Kegilaan apakah yang sedang berlaku pada dunia kini?

Masyarakat dunia pula dengan mudahnya menuding jari dengan mengatakan Islam adalah agama p e n g g a n a s , p e m b u n u h dan perosak seperti yang sering diberitakan media.

Faktanya ada suatu masalah dalam pemikiran khususnya mereka yang eksterimis ini iaitu pendoktrinan pemikiran binari yang menjurus kepada perlakuan taksub iaitu sukar menerima pandangan pihak lain. Bermula dengan budaya seperti sarkastik dan sindir-menyindir, ia akhirnya sampai ke tahap mengkafirkan orang lain.

Individu atau kelompok masyarakat yang mempunyai pemikiran sebegini akan terjerumus kepada minda yang diklasifikasikan sebagai dogmatik.

Minda dogmatik hanya melihat kepada satu kecenderungan sahaja contohnya, memilih untuk menyokong parti A atau digelar kafir; memilih sistem khalifah atau perlu dibunuh; menyokong hak kebebasan atau dianggap menentang Islam dan sebagainya.

Biarpun wujud pecahan-pecahan mazhab dan fahaman di dalam Islam sendiri tetapi ia sepatutnya dilihat dari sudut keharmonian dan suatu budaya pemikiran yang sihat. Suasana menggunakan agama sebagai retorik untuk melarikan masyarakat dari isu sebenar itu adalah kebinasaan yang paling ketara. Kita dapat melihat ada pihak yang oportunis dalam mengekalkan pengaruh mereka dengan membangkitkan isu berkaitan sentimen agama.

Maka wujudlah masyarakat yang tidak konsisten dan mudah terpengaruh dalam berpendapat berkenaan sesuatu



Menjengah Minda

Bersama MOHD. MUZAMMIL ISMAIL

isu. Lihat sahaja viral tentang sesuatu isu. Belum sahaja panas ia diperkatakan, timbul lagi isu baharu. Masyarakat kita tidak suka berfikir secara mendalam dan berterusan. Akhirnya budaya eksterisme itu berlaku kesan daripada mengikut tanpa penelitian yang kritis.

Ideologi puak ekstremis boleh dimusnahkan menerusi pendedahan maklumat bahawa pemboghongan mereka semata-mata untuk memanipulasi fikiran masyarakat

Bagaimana untuk kita mengetahui apa yang baik dan apa yang buruk? Di mana dan bagaimana untuk kita ambil sumber-sumber idea bagi mengetahui perihal kebaikan dan keburukan? Apa yang menjadi permasalahan dalam kalangan masyarakat kita khususnya orang Melayu adalah secara umumnya lebih cenderung mahukan sesuatu penyelesaian dengan cara pintas dan mudah.

Apa yang jelas, masalah eksterisme hari ini tidak mampu ditumpaskan dengan kekuatan fizikal sahaja. Ideologi puak ekstremis ini boleh dimusnahkan menerusi pendedahan maklumat bahawa pemboghongan mereka semata-mata untuk memanipulasi fikiran masyarakat.

Dalam hal ini, institusi kemasyarakatan perlu memainkan peranan penting sebagai agen penyebar kepada konsep kesederhanaan atau wasatiyyah yang merupakan maqasid utama dalam Islam. Institusi ini meru-

pakan pendekatan yang strategik dalam menyelesaikan konflik keganasan ini.

Contoh utama adalah institusi keagamaan seperti masjid atau madrasah di kawasan komuniti kejiranan. Masjid merupakan pusat aktiviti sosial umat Islam yang perlu berperanan dan multi fungsi bukan sekadar menjadi tempat ibadah tetapi turut menjadi platform utama penyebaran risalah ideologi keaman, keharmonian dan bebas ketaksuban melalui ilmu pengetahuan.

Dari sudut mekanisme pentadbiran dan pengurusan masjid pula perlu lebih strategik, di mana bercirikan profesionalisme. Ironinya institusi ini seharusnya tidak boleh dipengaruhi oleh mana-mana ideologi politik dan fahaman bagi mengelakkan berlaku perpecahan dalam masyarakat. Ini sekali gus menolak budaya pemikiran binari, dogmatik dan taksub sesetengah pihak yang menjurus kepada penolakan institusi keagamaan sebagai tempat penyatuan ummah.

Tradisi keilmuan Islam perlu disyumulkan melalui program-program halaqah ilmu yang berdasarkan perbincangan isu semasa bagi menarik minat golongan muda. Jangan terlalu berbangga dengan jumlah kutipan derma yang menjangkau puluhan ribu tetapi lokek untuk berbelanja dalam program pembangunan ummah dan aktiviti kemasyarakatan.

MOHD. MUZAMMIL ISMAIL ialah Felo Akademik Pusat Pengajian Kerajaan, Jabatan Perancangan dan Pembangunan Hartanah, Universiti Utara Malaysia